http://gudangsoalan.blogspot.com

Nama : ..... Kelas : .....

UJIAN PERCUBAAN UPSR 2012 (SK)
BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN
TAHUN 6

011

Julai

50 minit **Lima puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **40** *soalan.*

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan* **A, B, C,** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 1-18

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Sebelum rombongan itu pulang ke tanah air, _____ bergambar beramai-ramai di balai berlepas lapangan terbang.

A dia

B beliau

C mereka

D kalian

2 "_____ dan Laksamana Hang Tuah akan menyiasat kejadian yang berlaku," kata Temenggong kepada Sultan Mansor Syah.

A Beta

B Patik

C Hamba

D Tuanku

Soalan 3 *berdasarkan* gambar di bawah



3 Ali dan rakan-rakan _____semasa bermain bola sepak di padang.

A kehujanan

B dihujani

C menghujani

D menghujankan

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 4 *berdasarkan* gambar di bawah



4 Guru besar _____ pingat kepada Ahmad, pemenang acara lompat jauh sukan tahunan sekolahnya.

A menyarungkan

B memakaikan

C menyangkutkan

D mengalungkan

Soalan 5 *berdasarkan* gambar di bawah



5 Mak Timah _____ tepung gandum untuk membuat kuih bahulu.

A menampi

B mengayak

C menguli

D mengadun

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

6 Suhu di negara kita lebih tinggi _____ suhu di negara Jepun.

A daripada
B pada
C dari
D di

7 Rahmat rindu _____ ibu bapanya setelah sekian lama dia berada di perantauan.

A kepada
B pada
C ke
D akan

8 Zulaikha tersenyum _____ merenung wajah rakannya, Maisarah.

A sambil
B sementara
C justeru
D untuk

9 Esok, dia _____ datang _____ tidak ke majlis itu.

A entah.....entah
B sama ada.....atau
C daripada.....lebih baik
D baik.....mahupun

10 _____ ke rumah saya pada hujung minggu ini jika ada kelapangan.

A Jangan
B Minta
C Jemput
D Harap

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

11 Ramasamy gagal dalam pertandingan lumba basikal. _____ ,dia tidak akan berputus asa.

A Meskipun

B Biarpun demikian

C Di samping itu

D Tambahan pula

12 Cikgu Mariam seorang guru yang tegas. _____, beliau tetap disukai oleh murid-muridnya kerana baik hati.

A Sungguhpun

B Namun

C Manakala

D Malahan

Soalan 13 *berdasarkan* gambar di bawah



13 Cikgu Jamal merupakan seorang jurulatih bola sepak yang _____ di sekolahnya

A amanah

B ganas

C berani

D tegas

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 14 *berdasarkan* gambar di bawah

14. Syamsul membawa_____ kayu api yang dipungut di sekitar tapak perkhemahan itu.

A sebatang
B sepuntung
C seberkas
D sepemeluk

15. Setelah berumur 60 tahun, Cikgu Othman akhirnya _____ daripada perkhidmatannya mulai semalam.

A bersara
B berpencen
C berehat
D berpisah

16. Kerja-kerja _____ jalan ke Bandar Tun Razak sedang giat dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

A lebarkan
B melebari
C memperlebar
D memperlebarkan

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 17 *berdasarkan* gambar di bawah



17. Para petani memacak _____ di sawah untuk menakutkan burung-burung .

A orang-aring

B lembaga-lembaga

C patung-patung

D orang-orang

Soalan 18 *berdasarkan* gambar di bawah



18 Kapal layar itu _____ di laut yang bergelora.

A terumbang-ambing

B terhuyung-hayang

C terpontang-panting

D terkontang-kanting

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

19 Faridah merupakan seorang gadis yang sungguh jelita.

Pilih perkataan **seerti** bagi jelita.

A tampan

B unggul

C kacak

D ayu

20 Kapal dagang itu melabuhkan sauh apabila tiba di pelabuhan.

Pilih perkataan **berlawan** bagi melabuhkan

A menarik

B membongkar

C mencampak

D melontar

Soalan 21 - 22

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

21 I Anis telah menggubah serangkap pantun untuk adiknya.

II Kakak sedang menggubah bunga untuk hiasan meja tulisnya.

III Kerja menggubah rumah lama itu bukannya senang .

IV Cikgu Azmi ditugaskan untuk menggubah lagu sekolahnya.

A I, II dan III

B I, II dan IV

C I, III dan IV

D II, III dan IV

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

22 I Suasana di dalam bilik kakak itu agak cerah.

II Peluang Najmi cerah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

III Kulitnya semakin cerah semenjak menggunakan kosmetik itu.

IV Corak pada kain itu cerah kerana telah lama digunakan.

A I, II dan III

B I, II dan IV

C I, III dan IV

D II, III dan IV

23 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah.

Saya belajar bersungguh-sungguh kerana ingin ke sekolah berasrama penuh.

A Siapakah yang akan berjaya ke sekolah berasrama penuh ?

B Ke manakah kamu akan melanjutkan pelajaran?

C Mengapakah kamu tidak jemu belajar?

D Bagaimanakah kamu belajar dengan bersunguh-sungguh?

24 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

Di manakah kamu bertemu dengan Mustafar?

A Saya bertemu dengannya di Pasar Tani Nadi Kota.

B Baru sebentar tadi saya bertemu dengan Mustafar.

C Saya memang tidak pernah bertemu dengan Mustafar.

D Kami akan bertemu setelah berpisah hampir lima tahun.

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 25 - 26

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

25 Udara nyaman dan suasana aman di pulau itu telah dapat menarik pelancong berkunjung ke sana.

A Udara pulau yang nyaman dan keamanannya telah menjadikan pelancong seronok.

B Pelancong telah pergi ke pulau itu kerana terpikat dengan udaranya yang nyaman dan suasanannya yang aman.

C Pelancong yang tertarik dengan udara yang nyaman dan suasana yang aman telah melancong ke pulau itu.

D Pulau yang aman dan udaranya yang nyaman itu telah memikat hati pelancong.

26 "Bagus, pencapaian kamu dalam semua mata pelajaran semakin baik," kata abang kepada adik.

A Abang bangga akan keputusan peperiksaan adiknya yang bertambah baik.

B Abang memuji adik kerana pencapaiannya dalam semua mata pelajaran bertambah baik

C Abang tidak menyangka bahawa pencapaian adiknya dalam semua mata pelajaran semakin bagus.

D Abang mengatakan bahawa semua mata pelajaran yang diambil oleh adiknya semakin baik.

Soalan 27-28

Pilih **ayat** yang betul.

27 **A** Kereta Proton Perdana ini tidak kepunyaan ayah.

B Semua pelajar mestilah benci kepada najis dadah.

C Pemandangan di tepi laut itu sangat indah nian pada waktu senja .

D Berbagai barang keperluan harian dijual di kedai ini.

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

28 I Walaupun nenek sudah tua dan masih kuat.
II Bila pagi menjelang, ayam mula berkokok.
III Di dalam beg itu terdapat segugus kunci.
IV Beliau masih berminat menyimpan kereta-kereta antik itu.

A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

Soalan 29

Isi tempat kosong dengan **peribahasa yang sesuai.**

29 Walaupun beberapa kali gagal, Zamri terus berusaha untuk mencapai kejayaan kerana dia _____.

A hati batu
B terang hati
C hati waja
D keras hati

Soalan 30

Pilih **peribahasa yang sesuai** dengan kenyataan di bawah.

30 Ramlan dan Hafiz yang tidak menyiapkan kerja rumah kelihatan gelisah apabila Cikgu Razak meminta semua murid menghantar buku latihan .

A rusa masuk kampung
B cacing kepanasan
C pahat dengan penukul
D kera kena belacan

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 31 – 35
Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Dia Seorang Guru

Dia seorang guru tua di sebuah sekolah
Terdidik di dalam negeri tanpa berjela ijazah
Penunggu setia sekolah desa bukan cuma ganjaran upah
Tidak juga mengharap kemilau gelar dan anugerah
Sekadar kerelaannya menggenggam suatu amanah

Yang mengangkat harga diri dan maruah
Dengan berbekalkan keyakinan dan hikmah
Dengan keikhlasan hati dan pasrah
Dengan tidak mengenal jemu dan penat lelah
Yang diperkirakan kepuasan diri membangun ummah
Berlandaskan paksi yang jelas dalam tuju arah

Dia seorang guru pengganti ibu
Dia seorang guru pembentuk generasi baru
Dia seorang guru pembina insan sepadu
Dia seorang guru pewaris tamadun ilmu
Yang terus hidup sepanjang waktu
Diimbau berbunyi dilihat bertemu.

Ismail Haji Adnan

31 Apakah yang hendak disampaikan oleh penulis puisi di atas?

A Kehidupan seorang guru yang bertanggungjawab dan berdedikasi.

B Kisah seorang guru tua yang mengeluh tentang beban pekerjaannya.

C Pengalaman dan keluh resah pendidik yang bertugas di pedalaman.

D Pandangannya tentang rintihan sebenar seorang pendidik yang rela.

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

32 Mengapakah guru dalam puisi di atas tidak mengharapkan sebarang gelaran dan anugerah?

A Dia sudah tua dan lama mengajar.

B Guru ini mendapat latihan dalam negeri dan tidak berijazah.

C Dia lebih mementingkan tugasnya sebagai suatu amanah.

D Dia sudah mendapat gaji dan itu merupakan ganjaran yang tinggi.

33 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang cabaran dan cara seorang guru membangunkan ummah berdasarkan puisi.

A Menjaga maruah dan harga dirinya.

B Membentuk keyakinan diri, ikhlas dan berserah.

C Melakukan tugas tanpa rasa jemu dan melupakan penat lelah.

D Mementingkan kepuasan diri tanpa mengira apa orang lain kata.

34 Rangkap terakhir puisi di atas menjelaskan tentang

A guru adalah segalanya.

B tanggugjawab guru amat terhad.

C guru boleh memegang pelbagai jawatan.

D untuk terus hidup guru perlu menyamar dengan pelbagai watak.

35 Apakah jenis puisi di atas?

A Pantun.

B Syair.

C Sajak.

D Gurindam.

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Aku menunjukkan gambar Yun Beng yang tersimpan di dalam album sekolah setelah guru besar berterus terang dia tidak dapat membayangkan wajah Yun Beng. Dia mengangguk-angguk sambil memegang gambar Yun Beng yang segak berpakaian seragam.

Guru besar mencapai kunci kereta, mengajakku ke hospital. Kawan-kawan Yun Beng dengan sabar menunggu mayatnya yang sedang dibedah siasat. Aku cuba pendapatkan penjelasan daripada Weng Lee. Dia kelihatan sedih sekali. Pihak hospital meminta kami balik sahaja kerana mayat akan terus dihantar ke krematorium di Mount Ekskine.

Pada petang itu guru besar menelefonku dan mengajakku ke Mount Ekskine untuk memberikan penghormatan terakhir kepada Yun Beng. Ketika kami sampai, ramai rakan dan saudara-mara mendiang sudah berkumpul di situ. Masing-masing bercerita tentang kecelakaan jalan raya yang menimpa si mati. Kami menemui ibu dan bapa Yun Beng. Kesedihan jelas terpancar pada wajah mereka. Aku turut menahan tangis kerana ***Yun Beng satu-satunya anak pasangan tersebut***. Kehilangan Yun Beng tentu memberi kesan besar kepada mereka.

Berita kematian Yun Beng tersiar dalam akhbar berserta gambar tragedi itu sekali. "Cikgu jangan bimbang, saya akan memperoleh A untuk cikgu dalam Bahasa Melayu nanti." Masih terngiang-ngiang janji Yun Beng di telingaku. Wajah Yun Beng kutatap buat kali terakhir. Sungguhpun aku kecewa dengan kehilangan seorang murid, budi pekerti Yun Beng membakar keyakinan bahawa kehilangannya akan berganti dengan ramai lagi pelajar yang gigih, bersemangat dan baik budi pekerti sepertinya.

36 Siapakah Yun Beng dalam petikan di atas?

A Guru.
B Guru besar.
C Anggota polis.
D Murid sekolah.

http://gudangsoalan.blogspot.com

http://gudangsoalan.blogspot.com

37 Apakah sebab kematian Yun Beng ?

A Kecuaian Weng Lee.

B Kemalangan di jalan raya.

C Kecelakaan yang menimpa dirinya.

D Tragedi kehilangannya yang menyayat hati.

38 Mengapakah pihak hospital tidak membenarkan pelawat melihat mayat Yun Beng?

A Terlalu banyak orang yang ingin melawatnya.

B Pelawat hanya boleh memberi penghormatan terakhir di Mount Ekskine.

C Berita dan gambar tragedi itu akan disiarkan dalam akhbar.

D Mayatnya sedang dibedah siasat dan akan dihantar terus ke krematorium.

39 Pilih pernyataan yang ***tidak benar*** tentang petikan di atas.

A Yun Beng bukan beragama Islam.

B Yun Beng akan mengambil peperiksaan UPSR pada tahun ini.

C Penulis menangis apabila bertemu dengan ibu bapa Yun Beng.

D Yun Beng seorang pelajar yang gigih, bersemangat dan baik budi pekertinya.

40 Rangkai kata ***"Yun Beng satu-satunya anak pasangan tersebut,"*** bermaksud,

A anak emas

B anak tunggal

C anak bertuah

D anak pertama

KERTAS SOALAN TAMAT

http://gudangsoalan.blogspot.com